

Bil. S 45

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH BESAR
(RAYUAN-RAYUAN KEPADA PRIVY COUNCIL) (PINDAAN), 2005

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Pindaan bab 3 dari Penggal 158.
3. Pindaan Perintah Rayuan-Rayuan dari Keputusan Mahkamah Besar.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA MAHKAMAH BESAR
(RAYUAN-RAYUAN KEPADA PRIVY COUNCIL) (PINDAAN), 2005

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Mahkamah Besar (Rayuan-Rayuan kepada Privy Council) (Pindaan), 2005.

Pindaan bab 3 dari Penggal 158.

2. Bab 3 dari Akta Mahkamah Besar (Rayuan-Rayuan kepada Privy Council) adalah dipinda dengan memotong proviso dan menggantikannya dengan proviso baru yang berikut —

"Dengan syarat bahawa rayuan itu tidak boleh dikemukakan daripada Mahkamah Besar atau mana-mana mahkamah lain di Negara Brunei Darussalam atau daripada Tribunal Tafsiran yang ditubuhkan di bawah Perkara 86 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam mengenai apa jua perkara yang melibatkan, berbangkit dari, berkenaan dengan, atau berhubung dengan, makna, tafsiran, tujuan, pengertian, bidang atau kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959 atau perkara-perkara lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*."

Pindaan Perintah Rayuan-Rayuan dari Keputusan Mahkamah Besar.

3. Perintah Rayuan-Rayuan dari Keputusan Mahkamah Besar adalah dipinda, dalam perenggan kecil (4) perenggan 3, dengan memotong "not" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "no".

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 2 haribulan Jun, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM